

PREMIS DIDENDA RM 10,000.00 DI MAHKAMAH SESYEN, MELAKA

22 Julai 2022, MELAKA - Dimaklumkan bahawa premis Green Rock Technologies Sdn. Bhd. telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Sesyen, Melaka pada hari ini.

Pihak premis telah menjalankan aktiviti pengasingan dan cucian Buangan Terjadual Elektrik & Elektronik, SW110 tanpa lesen 'Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak bagi Buangan Terjadual' dari Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

Pihak premis telah mengaku salah ke atas pertuduhan di bawah Seksyen 18(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 10,000.00.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka tidak akan berkompromi terhadap penjenayah yang melakukan sebarang jenis pencemaran alam sekitar. Sebarang aduan boleh hubungi di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan.doe.gov.my/eaduan/index.php>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama